

Mahathir: AS hidup dengan wang pinjaman

DUBAI 2 Dis. - Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Amerika Syarikat (AS) sebagai sebuah negara defisit yang hidup dengan wang pinjaman dan berhutang banyak wang dengan negara lain di dunia.

"Sekiranya orang tidak memberikan wang kepada Amerika Syarikat, ia akan menjadi muflis," kata Dr. Mahathir kepada akhbar *Dubai Gulf News* dalam satu temu bual yang disiarkan semalam.

Beliau berkata, kelemahan terbesar Amerika ialah pada mata wang dolarnya.

Dr. Mahathir berkata; Malaysia telah mengelakkan kerugian terhadap simpanan tukaran asingnya walaupun terdapat penurunan dalam nilai dolar dengan membina pegangan euro dan emasnya.

"Kenapa kita perlu bergantung kepada dolar AS apabila kita tahu yang kita akan kerugian wang?" kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata, negara-negara yang tidak mahu 'dibuli' oleh Washington patut menggunakan dolar untuk memaksa agar dasar-dasar Amerika diubah.

Dr. Mahathir berkata, pemimpin Islam dan Arab boleh menggunakan hasil minyak dan pengaruh ekonomi mereka untuk menghalang perbuatan buli seumpama itu yang berlaku di dunia'.

Beliau mencadangkan negara-negara berkenaan supaya enggan menerima dolar bagi bayaran untuk eksport mereka dan sebaliknya mendesak agar bayaran dibuat, misalnya, dalam euro atau yen.

"Negara-negara ini boleh melawan Amerika Syarikat dan berjaya. (Mereka) boleh kata 'kami tidak mahu berurusan dengan

dolar AS. Jika Amerika Syarikat mahu membeli minyak kami ia perlu membayar dalam euro atau yen," katanya.

Tetapi keputusan seumpama itu memerlukan keazaman politik, kata bekas perdana menteri itu kepada akhbar itu semasa beliau berada di Dubai untuk lawatan singkat pada Selasa.

"Terdapat cara untuk berbuat sesuatu, tetapi sekiranya anda tidak mempunyai keazaman untuk melakukannya, cara terbaik untuk berbuat sesuatu tidak akan berlaku," kata Dr. Mahathir.

Mengenai persoalan demokrasi di Asia Barat, Dr. Mahathir berkata, rantau itu masih belum bersedia bagi demokrasi.

"Demokrasi ialah satu proses yang memaksa Eropah mengambil masa hampir 200 tahun untuk mencapainya. Untuk meminta sebuah negara agar ia melaksanakan demokrasi serta merta sebenarnya akan memusnahkan negara itu," katanya.

Dr. Mahathir turut mengkritik Presiden George W. Bush, menyatakan Amerika Syarikat merupakan negara yang memerlukan kepimpinan yang lebih baik.

"Kita tahu bahawa dasar-dasarnya telah menyebabkan peningkatan jumlah orang yang terlibat dalam keganasan. Sebelum ini, penduduk Iraq tidak suka mengikat bom pada badan mereka dan meletupkan diri mereka sendiri. Banyak perkara yang, tidak berlaku sebelum ini kini merupakan perkara biasa disebabkan oleh dasar-dasar itu. Dan beliau akan meneruskannya kerana berpendapat beliau adalah betul," kata Dr. Mahathir merujuk kepada pertumpahan darah yang sedang berlaku di Iraq.

"Rakyat Amerika mengundi Bush kera-

na beliau menakut-nakutkan mereka dengan membuatkan mereka berfikir yang mereka akan diserang," katanya.

Dr. Mahathir berkata, Perdana Menteri Britain, Tony Blair juga menggunakan taktik serupa bagi mewujudkan rasa takut di kalangan rakyat British.

"Kini Blair melaporkan bahawa ada rancangan untuk menyerang London sama seperti serangan pada 9/11. Idea untuk menakut-nakutkan rakyat kini semakin menjadi-jadi," katanya.

Mengenai masalah Palestin, dan sokongan padu Amerika terhadap Israel, Dr. Mahathir berkata: "Suatu ketika dahulu Amerika boleh diharap. Kini terdapat kepimpinan berbeza di Amerika dan kepimpinan itu tunduk sepenuhnya kepada Israel. Dan sebab itu kenapa penyelesaian sukar dicapai."

Beliau berkata, tindakan pengasingan terhadap bekas presiden Palestin, Allahyarham Yasser Arafat oleh Bush dan pemimpin Israel, Ariel Sharon tidak membantu perjuangan bagi keamanan di Asia Barat.

"Menganggap Arafat sebagai seorang pengganas merupakan penafian fakta kerana Sharon membunuh lebih ramai orang daripada Arafat. Jadi, jika anda mahu menggelar Arafat sebagai pengganas, Sharon juga perlu digelar sebagai pengganas.

"Arafat berjuang bagi mendapatkan hak yang telah dirampas daripada beliau. Sharon pula berjuang untuk merampas hak orang lain," kata Dr. Mahathir kepada akhbar itu. - Bernama